

KHUTBAH JUMAAT

“BERSAHABAT SAMPAI KE SYURGA”

(5 Disember 2025M/ 14 Jamadilakhir 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا
بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Isilah masa kita dengan perkara yang bermanfaat dan amal kebaikan. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* memberkati setiap detik usia kita dan mereka yang tersayang.

Elakkan diri bermain-main dengan telefon dan berbual-bual dengan teman, serta segala tindakan yang boleh menghapuskan pahala Jumaat kita. Berikanlah sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**Bersahabat Sampai Ke Syurga**".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dengan siapakah kita bersahabat? Tahukah kita, siapakah yang layak dijadikan sahabat? Mungkin ada yang terbayang raut wajah rakan sekerja, atau teman persekolahan, mahupun mereka yang berkongsi minat yang sama, dan begitulah seterusnya.

Tahukah kita bahawa ada segolongan manusia yang bersahabat di dunia, tetapi mereka akan bermusuhan di hari akhirat kelak? Seolah-olah mereka merasa kesal bersahabat dengannya. Marilah kita dengar bersama-sama firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah az-Zukhruf, ayat 67:

الْأَخِلَاءُ يَوْمَئِذٍ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ إِلَّا الْمُتَّقِينَ (٦٧)

Maksudnya: *Pada hari itu sahabat-sahabat karib: setengahnya akan menjadi musuh kepada setengahnya yang lain, kecuali orang yang persahabatannya berdasarkan taqwa (iman dan amal soleh).*

Ternyata, soal bersahabat yang kadangkala kita anggap remeh mempunyai kesan yang mendalam dalam kehidupan seorang muslim. Dalam erti kata lain, sahabat yang baik adalah sahabat yang mementingkan ketakwaan dan kebaikan; yang suka berbuat baik dan sering mendorong kita ke arah yang sama.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* pernah bersabda:

((الرَّجُلُ عَلَى دِينِ خَلِيلِهِ، فَلْيَنْظُرْ أَحَدُكُمْ مَنْ يُخَالِلُ))

Maksudnya: Seseorang itu mengikut agama (cara hidup) sahabatnya. Maka hendaklah kamu perhatikan dengan siapa kamu bersahabat.

(Hadis riwayat Imam Abi Daud)

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* memperlihatkan kaitan yang jelas antara persahabatan dan perihal agama seseorang. Persahabatan dan persekitaran sosial kita boleh mempengaruhi pengamalan agama dan cara kehidupan kita. Oleh sebab itu, ambillah iktibar daripada ayat al-Quran dan hadis yang dibacakan tadi. Terdapat tiga perkara penting dalam bersahabat menurut neraca Islam:

Pertama: Mengenal pasti pengaruh baik dan buruk.

Kita perlu bertanya kepada diri sendiri: Adakah individu itu mendekatkan kita kepada Allah *subhanahu wata'ala*, atau menjauhkan kita daripada-Nya? Soalan ini sesuai ditanya oleh segenap lapisan usia, baik yang muda mahupun yang lebih dewasa.

Pada hari ini, persahabatan juga terjalin di alam maya seperti di wadah-wadah media sosial dan kumpulan komunikasi dalam talian, yang datang bersamanya pengaruh yang tersendiri. Kita hendaklah menjauhi pengaruh yang berbaur dosa seperti menyebarkan gosip atau berita yang tidak sahih, atau memandang remeh pada perbuatan dosa.

Sebaliknya, apabila kita mengenalpasti dan mendekati pengaruh yang baik, kita akan turut terbentuk dengannya. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* menyamakan sahabat yang baik seperti penjual minyak wangi yang kita pasti akan turut mengecap haruman kebaikannya.

Kedua: Menjadi contoh persahabatan yang soleh dalam kehidupan. Kita juga perlu bertanya pada diri sendiri dengan penuh keinsafan, "Adakah kita telah berperanan menjadi sahabat yang mempunyai pengaruh ke arah kebaikan dengan mengajak rakan-rakan menjadi insan yang soleh? Atau, sebaliknya, menjadi sebab sahabat-sahabat terjerumus ke kancah maksiat?

Sebagaimana kita ingin terdedah kepada pengaruh yang baik, kita juga sewajarnya menjadi pemangkin aura positif dalam persahabatan. Marilah bersama kita menjadi individu yang membantu menguatkan iman sahabatnya, menerusi akhlak mulia, berlapang dada, bersikap empati, mendengar tanpa menghukum dan memberi sokongan ketika sahabat kita diuji dan memerlukan pertolongan. Kita menegur dengan penuh hikmah dan kasih sayang. Kita bukan sekadar menjadi teman berbual dan bergurau senda, tetapi juga teman yang bersama mendorong, menuju ke syurga.

Ketiga: Sertailah persekitaran yang menyuburkan persahabatan yang soleh.

Kita juga mesti mencari peluang untuk menjalin persahabatan yang soleh iaitu pertalian yang membina kerohanian mukmin, sama ada

menerusi amal ibadah, atau kuliah-kuliah agama dan seumpamanya. Persahabatan seperti ini merangkumi juga saling mengingatkan akan tanggungjawab sosial seperti aktiviti kebajikan atau kerja-kerja sukarela dalam masyarakat dan lain-lain.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Apabila kita dikelilingi sahabat yang ikhlas dan bersama-sama berusaha ke arah kebaikan, pastinya kita akan lebih mudah beristiqamah dalam amalan soleh. Begitu juga, sekiranya ada antara sahabat kita yang pernah melakukan kesilapan dan mula menunjukkan tanda-tanda untuk berubah ke arah kebaikan, maka bantulah dan sokonglah mereka. Pimpinlah mereka menuju rahmat Allah *subhanahu wata'ala* dengan penuh hikmah. Imam Muslim *rahimahullah* meriwayatkan daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَنْ دَعَا إِلَى هُدًى كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أُجُورِ مَنْ تَبِعَهُ لَا يَنْقُصُ
ذَلِكَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْئًا، وَمَنْ دَعَا إِلَى ضَلَالَةٍ كَانَ عَلَيْهِ مِنَ الْإِثْمِ مِثْلُ
آثَامِ مَنْ تَبِعَهُ لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ آثَامِهِمْ شَيْئًا))

Maksudnya: Sesiapa yang menyeru (seseorang) kepada hidayah, baginya ganjaran sepertimana ganjaran orang yang mengikutinya tanpa mengurangi sedikitpun daripada ganjaran mereka (yang melakukan). Dan sesiapa yang menyeru kepada kesesatan, maka baginya dosa seperti dosa yang diterima oleh orang yang

mengikutinya tanpa mengurangkan sedikitpun daripada dosa mereka (yang melakukannya).

Persahabatan yang baik bukan sekadar menjalin hubungan persaudaraan dengan siapa yang kita suka, tetapi siapa yang membantu kita menjadi hamba yang disukai Allah *subhanahu wata'ala* dan diredai-Nya. Marilah kita bersama-sama menjadi sahabat yang mengingatkan, bukan sekadar menghiburkan; yang saling menasihati, bukan yang saling menjatuhkan atau menghakimi.

Mudah-mudahan, setiap persahabatan yang kita jalin di dunia ini menjadi persahabatan yang kekal abadi. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* menjadikan kita dalam kalangan orang yang bersahabat atas dasar takwa, saling menguatkan dalam kebaikan dan mendapatkan keredaan Ilahi. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati tiga kesimpulan utama khutbah ini iaitu:

Pertama: Sahabat yang baik adalah sahabat yang mementingkan ketakwaan dan kebaikan; yang suka berbuat baik dan sering mendorong kita ke arah yang sama.

Kedua: Persahabatan dan persekitaran sosial boleh mempengaruhi pengamalan agama dan cara kehidupan kita.

Ketiga: Orang yang bersahabat atas dasar takwa, saling menguatkan dalam kebaikan dan mendapatkan keredaan Ilahi.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah at-Taubah, ayat 119:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ (١١٩)

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang yang benar.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim hujan ini, khatib menyeru agar kita sentiasa berwaspada dan mengikuti nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa sama ada yang berkaitan dengan kemungkinan banjir mahupun keadaan perairan untuk apa sahaja aktiviti.

Pada masa yang sama, istiqamahlah mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Inilah asas kestabilan, kemakmuran dan keharmonian Sarawak dan negara kita, Malaysia. Pastikan juga rezeki yang kita peroleh adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَتَيْهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang merusakkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ
وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan. Angkatlah segala penderitaan, kesedihan, peperangan dan permusuhan daripada mereka dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali wal Ikram, kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنِثْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.